

Lakukan hubungan seks guna jari, pengawal keselamatan dipenjara 20 tahun, 10 sebatan

KUCHING: Seorang pengawal keselamatan lelaki dipenjara 20 tahun dan dikenakan 10 sebatan di Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah melakukan hubungan seks dengan teman wanita menggunakan objek iaitu jarinya, tanpa kebenaran mangsa.

Hakim Musli Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh berusia 53 yang tidak diwakili peguam dan didakwa mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksyen.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan boleh disebat, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap mangsa berusia 38 tahun di sebuah rumah tidak bernombor di Siburan pada 19 Disember 2025, sekitar jam 1.20 pagi.

Menurut fakta kes, pada jam 8.15 pagi (19 Disember 2025) pengadu iaitu anggota polis di kaunter aduan Balai Polis Siburan telah dimaklumkan oleh orang awam mengenai seorang wanita yang berada di dalam kereta diletakkan di hadapan sebuah dewan telah meminta bantuan untuk dibawa ke balai polis.

Susulan maklumat tersebut, dua anggota dari Balai Polis Siburan segera bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati mangsa berada dalam



KE PENJARA: Tertuduh (kanan) diiring polis keluar dari kamar mahkamah selesai dijatuhkan hukuman semalam. — Gambar Mohd Faisal Ahmad

keadaan lemah.

Mangsa kemudiannya dibawa ke Hospital Umum Sarawak bagi menjalani pemeriksaan lanjut.

Kertas siasatan dibuka dan hasil siasatan polis seterusnya membawa kepada penangkapan tertuduh pada hari sama sekitar jam 10 pagi.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh dan mangsa merupakan pasangan kekasih.

Polis juga mendapati tertuduh telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa sekitar jam 1.20 pagi pada hari kejadian dengan cara memasukkan jarinya ke dalam faraj mangsa, tanpa kebenaran mangsa.

Malah, laporan perubatan juga mendedahkan terdapat

kecederaan terhadap faraj mangsa.

Terdahulu dalam prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff memohon supaya hukuman berbentuk pemenjaraan dan pencegahan dikenakan terhadap tertuduh.

Aiman memaklumkan bahawa kesalahan berkenaan bukan kali pertama berlaku terhadap mangsa dan semasa kejadian, tertuduh turut menyebabkan kecederaan kepada mangsa.

Selain itu, beliau turut memohon hukuman sebat dikenakan terhadap tertuduh dan mengakui bahawa Seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah antara lainnya

memperuntukkan bahawa hukuman sebat tidak boleh dilaksanakan terhadap lelaki berusia melebihi 50 tahun.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa pengecualian diberikan kepada kesalahan di bawah Seksyen 376, 377C, 377CA atau 377E Kanun Keseksyen, yang membolehkan hukuman sebat tetap dikenakan.

Sehubungan itu, selepas meneliti semua aspek termasuk penghujahan pihak pendakwaan, pengakuan salah tertuduh, rayuan, fakta kes, keseriusan kes serta mengambil kira kepentingan awam, Hakim Musli memerintahkan tertuduh dipenjara 20 tahun berkuat kuasa semalam berserta 10 sebatan.